

ILMU PERISAI FITNAH
SURAH AL-HAJJ : 54

وَلْيَعْلَمَ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَيُؤْمِنُوا بِهِ فَتُخْبِتَ لَهُ قُلُوبُهُمْ وَإِنَّ

اللَّهَ لَهَادٍ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٥٤﴾

“Dan juga supaya orang-orang yang beroleh ilmu mengetahui bahawa ayat-ayat keterangan itu benar dari Tuhanmu, lalu mereka beriman kepadanya, sehingga tunduk taatlah hati mereka mematuhiNya; dan sesungguhnya Allah sentiasa memimpin orang-orang yang beriman ke jalan yang lurus.”

HURAIAN

Fitnah dan khabar angin merupakan gejala kepada kerosakan masyarakat yang akhirnya membawa kepada perpecahan dan perbalahan. Mereka yang tidak berhati-hati dan menerima fitnah berkenaan akan menjadi agen khabar angin dengan menyebarkannya kepada orang lain.

Oleh yang demikian, ayat ini menegaskan bahawa ilmu merupakan perisai kepada manusia dalam menghadapi cabaran-cabaran ni. Orang-orang yang diberikan oleh Allah S.W.T ilmu pengetahuan akan menjadikannya sebagai neraca dalam menentukan yang hak dan batil sehinggalah mereka benar-benar meyakini bahawa kebenaran itu datangnya dari Allah S.W.T dan tunduk patuh kepada Allah S.W.T dengan hati yang tenang.

Secara tidak langsung ayat ini juga menegaskan perlunya orang-orang mukmin itu menuntut ilmu yang menjadi petunjuk jalan kepada mereka dalam menghadapi golongan yang sering menimbulkan tipu daya dalam pelbagai bentuk mengarah kepada perlakuan maksiat kepada Allah S.W.T.

KESIMPULAN

Fitnah merupakan agen kepada kerosakan dan perpecahan masyarakat. Oleh yang demikian, umat Islam perlulah mempunyai ilmu yang menjadi perisai kepada mereka dalam menghadapi tipu daya dan fitnah dari golongan yang menderhaka kepada Allah S.W.T. Sesungguhnya Allah S.W.T adalah pemimpin kepada orang-orang yang beriman.

Sumber : *Koleksi Artikel Tafsir JAKIM*

© 2009 Masjid Negara Online.

MASJID NEGARA Online